

B560
MAHATHIR
(1)

1980

18

SUNGAI PETANI, 7 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA KINI SEDANG MENCEBURI INDUSTRI-INDUSTRI BERASASKAN SUMBER DAN MODAL UNTUK DIKTIRAF SEBAGAI NEGARA PERINDUSTRIAN SEPENUHNYA.

KATANYA KETIKA INI MALAYSIA TIDAK BOLEH DIANGGAP SEBAGAI NEGARA PERINDUSTRIAN WALAUPUN NEGARA INI TELAH MAJU DARI SEGI PENGGUNAAN SUMBER-SUMBER ASLINYA DAN DALAM BIDANG PERTANIAN.

PEMANGKU PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERUCAP MERASMIKAN KILANG PHARMMALAYSIA SDN BHD MENELAN BELANJA \$111.5 JUTA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN BAKAR ARANG DI SINI.

KILANG ITU IALAH USAHASAMA ANTARA SARABHAI ENTERPRISES DARI INDIA DENGAN PARA PELABOR TEMPATAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA HARUS MEMPELBAGAIKAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIANNYA DAN MENAMBAHKAN PELUANG SERTA HASIL UNTUK NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 1930/YF

B561

MAHATHIR 2 SUNGAI PETANI

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PROJEK-PROJEK USAHASAMA ANTARA PARA PELABOR INDIA DENGAN MALAYSIA SEPERTI PHARMMALAYSIA AKAN BERJAYA KERANA KEPAKARAN DAN PENGETAHUAN TEKNIKAL INDIA SESUAI UNTUK IKLIM PERINDUSTRIAN MALAYSIA.

BELIAU YAKIN RAMAI LAGI PELABOR INDIA AKAN DATANG KE MALAYSIA KERANA KERAJAAN-KERAJAAN INDIA DAN MALAYSIA MENGGALAKKAN USAHA-USAHASAMA ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULANGI KENYATAANNYA BAHAWA KERAJAAN MALAYSIA MENGGALAKKAN PELABORAN ASING KE NEGARA INI KERANA MALAYSIA MASIH MENGHADAPI MASALAH PENGANGGURAN DAN KEKURANGAN KEPAKARAN TEKNIKAL.

KATANYA FIRMA-FIRMA ASING HARUS JUGA MENGAMBIL DAYAUSAHA UNTUK MELATIH PARA PEKERJA TEMPATAN SAMA ADA DI DALAM NEGERI ATAU DI NEGARA SYARIKAT INDUK GUNA MEMBANTU RAKYAT MALAYSIA MENCEBURI PENDEKATAN-PENDEKATAN BARU DALAM PERINDUSTRIAN.